

<p>HELAIAN PENERANGAN PRODUK (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Foreign Worker Compensation Scheme Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.)</p>	<p>TAKAFUL IKHLAS BERHAD (Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p> <p>IKHLAS FOREIGN WORKER COMPENSATION SCHEME TAKAFUL</p> <p>Tarikh: 21/01/2015</p>				
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p>Sekiranya anda mengambil masuk pekerja asing, anda dikehendaki mematuhi keperluan berkanun menurut undang-undang di bawah Seksyen 26 (2) Akta Pindaan 1996 bagi Akta Pampasan Pekerja 1952 untuk membeli Takaful ini bagi melindungi semua pekerja asing anda.</p>					
<p>2) Apakah konsep Shariah yang digunakan?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tabarru' - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko. • Wakalah - bermaksud agensi. Di dalam konteks ini, ia merujuk kepada kontrak di antara Syarikat dan Peserta di mana Peserta Takaful melantik Syarikat untuk menguruskan dana bagi pihak Peserta Takaful, yang membenarkan Syarikat untuk mengenakan yuran Wakalah. <p>Nota: Sila rujuk kepada Sijil kontrak Takaful untuk maklumat lanjut.</p>					
<p>3) Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?</p> <p>Sijil Takaful ini menanggung kerugian anda di bawah Akta tersebut berhubung dengan pampasan ke atas kecederaan pekerjaan dan juga kecederaan bukan pekerjaan yang dialami oleh pekerja asing.</p> <p>Tempoh perlindungannya adalah selama satu (1) tahun. Anda dikehendaki membaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.</p>					
<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="237 1325 857 1360">Perlindungan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="237 1360 857 1856"> <p>Pampasan Pekerja</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kematian akibat penyakit atau kemalangan pekerjaan yang berlaku semasa waktu bekerja; • Kematian akibat kemalangan semasa bekerja • Perbelanjaan pengebumian • Hilang keupayaan menyeluruh kekal • Hilang keupayaan sementara (Bayaran setengah bulan) </td> </tr> </tbody> </table>	Perlindungan	<p>Pampasan Pekerja</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kematian akibat penyakit atau kemalangan pekerjaan yang berlaku semasa waktu bekerja; • Kematian akibat kemalangan semasa bekerja • Perbelanjaan pengebumian • Hilang keupayaan menyeluruh kekal • Hilang keupayaan sementara (Bayaran setengah bulan) 	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="857 1325 1461 1360">Had Indemniti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="857 1360 1461 1856"> <ul style="list-style-type: none"> • RM18,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah. • RM18,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah dan tambahan RM7,000. • Maksimum RM1,000 jika pekerja yang mati tidak mempunyai tanggungan. • RM23,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah. • RM165 atau 1/3 daripada gaji bulanan (maksimum 60 bulan) </td> </tr> </tbody> </table>	Had Indemniti	<ul style="list-style-type: none"> • RM18,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah. • RM18,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah dan tambahan RM7,000. • Maksimum RM1,000 jika pekerja yang mati tidak mempunyai tanggungan. • RM23,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah. • RM165 atau 1/3 daripada gaji bulanan (maksimum 60 bulan)
Perlindungan					
<p>Pampasan Pekerja</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kematian akibat penyakit atau kemalangan pekerjaan yang berlaku semasa waktu bekerja; • Kematian akibat kemalangan semasa bekerja • Perbelanjaan pengebumian • Hilang keupayaan menyeluruh kekal • Hilang keupayaan sementara (Bayaran setengah bulan) 					
Had Indemniti					
<ul style="list-style-type: none"> • RM18,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah. • RM18,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah dan tambahan RM7,000. • Maksimum RM1,000 jika pekerja yang mati tidak mempunyai tanggungan. • RM23,000 atau 60 kali gaji bulanan, yang mana lebih rendah. • RM165 atau 1/3 daripada gaji bulanan (maksimum 60 bulan) 					

<p>Perbelanjaan Repatriasi</p> <ul style="list-style-type: none"> Membayar kos pengangkutan untuk menghantar mayat pekerja yang mati atau pekerja yang hilang keupayaan menyeluruh kekal kembali ke negara asalnya. 	<ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan perbelanjaan sebenar yang bertanggung atau RM4,800, yang mana lebih rendah.
<p>Kemalangan diri (selepas waktu bekerja) Boleh dibayar berhubung dengan kecederaan diri atau kematian yang dialami dalam kemalangan yang berlaku selepas waktu bekerja</p> <ul style="list-style-type: none"> Kematian atau hilang keupayaan kekal Hilang keupayaan separa kekal Hilang keupayaan sementara Perbelanjaan perubatan 	<ul style="list-style-type: none"> RM23,000 Berdasarkan RM23,000 yang dikira mengikut Akta (Pindaan) Pampasan Pekerja 1952. Mengikut Akta Pampasan Pekerja 1952 Mengikut Akta Pampasan Pekerja 1952
<p>4) Bolehkah Sijil Takaful ini dilanjutkan untuk melindungi pekerja asing di luar Malaysia?</p> <p>Tidak, Sijil Takaful ini terbatas kepada batasan geografi Malaysia dan tertakluk kepada kuasa undang-undang Malaysia sahaja.</p>	
<p>5) Bagaimana jika pekerja tersebut tidak mempunyai permit kerja yang sah?</p> <p>Sijil Takaful ini hanya melindungi pekerja asing yang diupah secara sah.</p>	
<p>6) Bolehkah saya melanjutkan perlindungan <i>Common Law</i> di bawah Sijil Takaful ini?</p> <p>Tidak, anda tidak boleh melanjutkan perlindungan <i>Common Law</i> atau mana-mana jenis pelanjutan kerana perlindungan Sijil Takaful ini adalah dikawal oleh Pihak Berkuasa.</p>	
<p>7). Berapakah Sumbangan Takaful yang saya perlu bayar?</p> <p>Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada bilangan pekerja asing di bawah penggajian anda yang perlu diisytiharkan anda kepada pihak kami. Pihak kerajaan telah menetapkan RM67.00 sebagai Sumbangan Takaful dan RM5 sebagai bayaran perkhidmatan atas talian untuk setiap pekerja.</p> <p>Jadi, jumlah bayaran untuk setiap pekerja ialah RM72.00.</p> <p><i>Contohnya: Jika bilangan pekerja asing anda adalah 100 orang, maka</i> $RM72.00 \times \text{Bilangan pekerja} = RM 7,200.00$ <i>Maka, jumlah Sumbangan Takaful tahunan yang anda perlu bayar ialah RM7,200.00</i></p>	
<p>8) Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?</p> <p>Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:</p> <p>Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful</p> <ul style="list-style-type: none"> Cukai Perkhidmatan (jika ada) : 6% dari Sumbangan Takaful 	

- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful

- Fi Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga maksima 10% dari Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 15% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Caj Pembatalan : RM10.00

Nota: Caj-kej yang dikenakan Takaful IKHLAS tidak termasuk cukai yang mungkin dikenakan di masa hadapan (termasuk cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)). Dengan pelaksanaan CBP, Takaful IKHLAS berhak untuk mengutip semula sebarang cukai yang dikehendaki oleh undang-undang daripada Peserta Takaful.

9) Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang anda tahu atau patut tahu jika tidak, Sijil Takaful ini akan dianggap tidak sah.
- Anda harus memastikan semua butiran pekerja-pekerja asing diisikan dengan lengkap dan betul.
- Anda dikehendaki memberi notis bertulis kepada ejen atau pihak kami tentang mana-mana penambahan dan pengurangan pekerja atau apa-apa perubahan material dalam tempoh Sijil Takaful keupayaan pindaan-pindaan yang wajar dapat diendorskan pada Sijil Takaful anda.

Waranti Sumbangan Takaful

- Sijil Takaful anda adalah tertakluk kepada Waranti Sumbangan Takaful. Sila pastikan anda membayar Sumbangan Takaful anda dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh Sijil Takaful mula berkuatkuasa.

Lebihan

Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada RM10 untuk setiap Sijil Takaful, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko.

10) Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi:

- sebarang tindakan bagi mendapatkan pampasan yang dibuat di Mahkamah Undang-Undang di luar Malaysia.
- kerugian, kerosakan atau kecederaan disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kemalangan atau penyakit
 - a) peperangan, pencerobohan, penentangan musuh asing, (samada peperangan diisytihar atau tidak), perang saudara, dahagi, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, rampasan kuasa tentera
 - b) tindakan seseorang atau seseorang bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana pertubuhan dengan tujuan menyingkirkan secara kekerasan kerajaan dejure atau defacto atau mempengaruhi dengan menggunakan kekejaman atau keganasan.

- sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh
 - a) radiasi ion atau pencemaran radioaktif dari bahan api nukleus atau dari sebarang bahan buangan nukleus dari pembakaran bahan api nukleus. Bagi tujuan pengecualian ini pembakaran termasuk proses pembelahan semulajadi nukleus.
 - b) bahan senjata nuklear.

Nota: *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil kontrak Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

11) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro-rata bagi tempoh Sijil Takaful yang telah berkuatkuasa. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

12) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

13) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Takaful "Foreign Worker Compensation Scheme", sila rujuk kepada buku panduan info-Takaful mengenai "Takaful Foreign Worker Compensation Scheme" yang boleh didapati dari semua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai *IKHLAS* Foreign Worker Compensation Schem, sila hubungi kami di:

Takaful IKHLAS Berhad
Jabatan Pengurusan Pelanggan
IKHLAS Point
Tower 11A, Avenue 5
Bangsar South
No. 8 Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03-2723 9999
No. Faks: 03-2723 9998

Laman Web : www.takaful-ikhlas.com.my
E-mel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

14) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Takaful Foreign Worker Takaful Guarantee Takaful

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 21/01/2015